

Persepsi Pelajar Terhadap Penguasaan Pengetahuan Dan Ketrampilan Berkaitan *Duty 1: Adhere To Safety Rules And Regulation* Di Kalangan Pelajar Tahap 3 Di Salah Sebuah IKBN Di Johor.

Abdul Wahid Mukhari¹ & Suhana Johari²

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor

ABSTRAK : Dalam melakukan kerja-kerja amali, keselamatan adalah sangat penting untuk menjamin kesihatan diri sendiri dan orang lain. Kajian secara deskriptif ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan berkaitan *Duty 1: Adhere To Safety Rules And Regulation* dikalangan pelajar tahap 3 di salah sebuah Institut Kemahiran Belia Negara di Johor. Populasi dan responden kajian adalah seramai 34 orang yang mengikuti kursus Pembuat Acuan dan Alatan Tekan. Penumpuan diberikan kepada tiga aspek iaitu memakai pakaian keselamatan, melakukan rawatan pertolongan cemas serta peraturan dan jenis alat pemadam api. Hasil keseluruhan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa diantara ketiga-tiga aspek ini, persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan dari aspek memakai pakaian keselamatan berada pada tahap terampil cemerlang. Kajian ini mendapati bahawa pelajar faham dan tahu menggunakan alat pelindung diri semasa melakukan kerja-kerja amali.

Kata kunci: *Penguasaan Pengetahuan Dan Ketrampilan, Duty 1: Adhere To Safety Rules And Regulation, IKBN*

ABSTRACT : In term of performing practical jobs, safety is very important to ensure health for oneself and others peoples around. This descriptive research is done for the purpose of identifying student's perception on mastering the knowledge and competence of *Duty 1: Adhere to Safety Rules and Regulation* among the level 3 students at National Youth Skills Training Institute in Johor. The respondent was 34 students who are training in Tools and Die Making Course. Attention was given on 3 aspects which was the application of safety equipment, performing first aid treatment and the rules & type of fire extinguisher. The finding of this study showed that among these three aspects, student's perception on the knowledge and competency in the aspect of applying safety equipment was excellent.

Keywords: *Mastering The Knowledge And Competence, Duty 1: Adhere To Safety Rules And Regulation, IKBN*

1.0 PENGENALAN

Peraturan keselamatan di dalam bengkel mesti diketahui oleh semua pelajar kerana ia adalah menjadi tanggungjawab setiap orang yang berada di dalam bengkel tersebut. Dengan mematuhi peraturan keselamatan di dalam bengkel, sebarang risiko yang melibatkan kemalangan jiwa atau pancaindera mahupun kerosakan terhadap alat dan mesin akan dapat dihindari.

Keselamatan di bengkel adalah merangkumi semua aspek yang mempunyai hubungkait dengan kesihatan fizikal, mental, persekitaran, harta benda serta tempat bekerja yang bebas dari bahaya. Kemalangan yang berlaku di bengkel boleh menyebabkan kecederaan terutamanya pada anggota badan yang terdedah kepada bahaya seperti tangan,

mata dan kepala. Kecelakaan akan menjadi lebih parah sekiranya mangsa tidak memakai alat pelindung keselamatan.

Malahan ada juga kemalangan itu yang pernah seseorang pelajar itu alaminya sendiri. Apa yang berlaku ialah ada diantara kemalangan itu diulangi seolah-olah pelajar itu tidak pernah mempelajari keselamatan apabila berada di bengkel dan tidak mengambil kejadian kemalangan itu sebagai iktibar. Akibat terlalu kerap kita mendengar mengenai kemalangan, sehingga kita merasakan kemalangan itu adalah lumrah, ia sesuatu yang memang akan berlaku dan tidak dapat dielakkan apabila berada di kawasan bengkel atau di dalam dunia pekerjaan

Pelajar IKBN yang telah diklasifikasikan sebagai tenaga mahir adalah bakal peneraju pekerja yang cekap dan berpengetahuan yang tinggi dari segi menjaga keselamatan diri dan dimana mereka adalah suatu aset yang berharga kepada sesuatu organisasi dan masyarakat. Seandainya golongan ini meninggal, cacat atau mengidap penyakit yang berpanjangan ianya adalah merupakan kerugian kepada negara kerana mereka adalah selaku pekerja dalam sektor perindustrian. Kurangkan kemalangan perusahaan bermakna kurang `man hours` dan juga `machine hours lost`.

Seseorang pekerja yang mahir dan berkelayakan wujud hasil daripada pelaburan melalui pendidikan dan latihan yang diikuti oleh mereka. Kebanyakan pelajar lepasan institusi kemahiran ini adalah bakal pekerja yang menjawat jawatan di kilang dalam bidang kolar biru, oleh itu adalah sangat sesuai sekiranya pelajar ini dididik melakukan kerja dengan cara yang selamat. Pepatah melayu ada menyebut “Melentur buluh biar dari rebungnya”.

1.1 Pernyataan Masalah

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan mereka berkaitan Duty 1: Adhere To Safety Rules And Regulation dikalangan pelajar tahap tiga di Institut Kemahiran Belia Negara, Pagoh.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk :

- i. Menenalpasti persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan terhadap task 01.01 dari aspek memakai pakaian keselamatan di bengkel .
- ii. Menenalpasti persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan terhadap task 01.03 dari aspek melakukan rawatan pertolongan cemas di bengkel .
- iii. Menenalpasti persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan terhadap task 01.05 dari aspek peraturan dan jenis alat pemadam api .

2.0 Pakaian Keselamatan

Pakaian keselamatan bengkel ialah pakaian yang di pakai ketika melakukan kerja-kerja amali di bengkel bagi mengelakkan daripada berlaku sesuatu kemalangan. Semasa melakukan aktiviti atau bekerja di bengkel, aspek keselamatan yang perlu diawasi ialah keselamatan diri, mesin peralatan dan rakan sekerja. Menurut Nurimi Zainol Abidin (2001), kebanyakan kemalangan berlaku kerana sikap cuai dan tidak mengambil berat untuk melindungi pancaindera semasa bekerja, memakai pakaian yang tidak sesuai dan bergurau senda.

Lantaran itu, seharusnya pelajar perlu mendidik sikap yang positif di dalam diri untuk menghindari sesuatu yang tidak diinginkan daripada berlaku.

Pakaian yang sesuai seperti jaket hendaklah dipakai semasa bekerja di dalam bengkel. Pakaian yang koyak dan tidak kemas adalah salah satu punca yang menyebabkan kemalangan. Kebiasaannya pihak pengurusan bengkel telah menyediakan baju bengkel untuk semua pelajar. Pakaian yang labuh tidak sesuai di pakai apabila berada di kawasan bengkel manakala bagi pelajar perempuan yang memakai tudung kepala diingatkan supaya ia diikat kebelakang agar ia tidak mengganggu pergerakan ketika mengendalikan mesin-mesin yang bergerak. Oleh kerana itu semasa melakukan kerja, perkara-perkara yang harus diberi perhatian semasa berpakaian ialah:

a. Rambut yang panjang

Rambut yang panjang boleh mengakibatkan rasa rimas, boleh mendatangkan penyakit kerana peluh keterlaluhan serta jangkitan bacteria sekitaran dan boleh tersangkut pada mana-mana bahagian mesin yang sedang bergerak. Manakala bagi pelajar perempuan yang bertudung pula diingatkan supaya mengikat tudung dengan rapi.

b. Peralatan yang tajam

Peralatan tajam tidak sesuai di masukkan ke dalam poket kerana bimbang ianya akan menonjol keluar dari poket tersebut dan boleh menyebabkan kecederaan tubuh badan atau terkena pada orang lain.

c. Butang pakaian

Pakaian yang tidak berbutang atau tidak dikancing boleh mendatangkan bahaya seperti mudah dimasuki benda tajam pada bahagian badan. Manakala bahan kimia mudah meresapi kulit dan lebihan baju yang terjuntai akan mudah tersangkut pada bahagian mesin yang bergerak.

d. Lengan baju longgar/tidak dilipat kemas

Pakaian dan lengan yang longgar boleh menjadikan keadaan diri tidak selesa semasa melakukan kerja-kerja amali dan boleh juga menyebabkan lengan baju tersangkut pada bahagian mesin yang sedang bergerak.

e. Poket bocor

Peralatan yang disimpan dalam poket yang bocor boleh menyebabkan ianya jatuh dan boleh mengenai bahagian-bahagian anggota tubuh yang lain seperti betis dan kaki. Selain dari itu, ia akan menyumbang kepada kehilangan kelengkapan dan alatan mesin semasa pelajar sedang sibuk melakukan kerja-kerja amali. Kesan lain akibat poket yang bocor adalah boleh membahayakan pada orang lain terutama semasa melakukan kerja ditempat tinggi.

f. Pakaian terlalu panjang

Ianya boleh mengakibatkan terjatuh di kawasan kerja. Pakaian terlalu panjang juga mudah tersangkut pada bahagian mesin yang bergerak dan ianya tidak selesa dipakai semasa melakukan kerja malahan boleh menyebabkan kekotoran dengan cepat.

g. Perhiasan diri

Elakkan memakai barang-barang perhiasan atau barang-barang kemas seperti jam tangan, cincin dan rantai, kerana barang-barang tersebut boleh menyebabkan kemalangan akibat tersangkut pada mesin atau alat-alat yang lain. Pelajar lelaki tidak dibenarkan memakai apa-apa jenis rantai apabila bekerja dengan jentera atau mesin yang sedang bergerak.

2.1 Jenis Peralatan Perlindungan Diri

Keadaan mesin yang tidak mempunyai kelengkapan keselamatan yang mencukupi, seperti tidak mempunyai penghadang yang sempurna, tentunya akan membawa kecederaan kepada pelajar yang sedang menggunakannya. Penggunaan dan pengendalian peralatan dan mesin dengan cara yang tidak selamat dan tidak sesuai akan menyebabkan kemalangan boleh berlaku. Penyenggaraan mesin yang konsisten dan menyeluruh perlu bagi memastikan tugas yang diberi dapat disempurnakan dengan berkesan. Justeru itu tidak akan timbul insiden seperti berlakunya letupan yang disebabkan oleh kebocoran pada sambungan gelung getah gas (Harian Metro, 28 Februari 2008). Peralatan dan mesin yang tidak di selenggarakan dengan sempurna akan menambah risiko kegagalan alat itu untuk berfungsi dan sekaligus membawa padah kepada pelajar.

Peraturan alat pencegahan di tempat kerja (1992), mendefinisikan PPE sebagai semua alat yang bertujuan untuk dipakai atau dipegang oleh seseorang di tempat kerja dan yang melindunginya daripada satu atau lebih risiko kepada keselamatan dan kesihatan dirinya, dan sebarang aksesori yang direka cipta untuk mencapai matlamat itu. Menurut Ee Ah Meng. (1990), menyatakan segelintir daripada pengguna bengkel tidak selesa memakai jenis peralatan perlindungan diri seperti goggle dan sarung tangan kerana mereka merasakan ia mengganggu keselesaan ketika membuat kerja-kerja amali. Justeru itu, mereka mengambil langkah untuk tidak menggunakannya walaupun mengetahui kesan dan akibatnya

Sarung tangan kulit digunakan untuk melindungi tangan dari sudut yang tajam atau menggerutu, berkarat dan habuk-habuk besi terutamanya semasa mencanai mata alat. Sarung tangan dapat melindungi tangan daripada sebarang kecederaan, lebam, terbakar oleh bahan kimia dan sebagainya. Sewaktu membuat kerja-kerja seperti membentuk batang keluli, memindahkan bata dan sebagainya gunakan sarung tangan bagi mengelakkan sebarang kecederaan.

Kasut keselamatan adalah sejenis kasut yang dibuat khas dimana ianya mengandungi pelapik yang teguh dibahagian penutup jari. Oleh itu, ianya seharusnya dipakai bagi melindungi jari-jari kaki apabila terkena alat-alat atau bahan-bahan berat yang terjatuh dari atas atau terpijak wayar elektrik yang akan menyebabkan terkena genjatan elektrik.

Tapak kasut keselamatan yang diperbuat dari getah serta ciri-ciri ketahanan dari minyak dan haba boleh melindungi kaki, terutamanya tapak kaki, dari bahaya tergelincir dan lecuran atau lelasan kulit akibat kimia berbahaya. Kasut keselamatan juga dibekalkan kepada setiap pelajar untuk digunakan semasa berada di bengkel yang telah dikenalpasti terdapatnya bahaya-bahaya keselamatan.

Setiap pelajar yang belajar di bengkel dan yang menjalankan aktiviti yang telah dikenalpasti mendatangkan bahaya kepada mata atau (eye hazard), dikehendaki memakai pelindung mata sebagai langkah pencegahan kecederaan mata. Sebagai langkah perlindungan pelajar, majikan (pengarah IKBN berkenaan) perlu membekal dan menyediakan cermin mata keselamatan (safety glass) atau “goggles” yang bersesuaian kepada para pelajar.

Goggles yang terang mestilah dipakai untuk melindungi mata dari kecederaan terutamanya apabila menggunakan pahat batu, menggunakan mesin pencanai apabila mencanai mata alat dan menggunakan penyembur angin. Goggle juga perlu dipakai untuk melindungi mata daripada percikan api dan logam-logam yang terpelanting akibat kerja-kerja kemas dan pemotongan logam dan besi kerana dikhuatiri serpihan tersebut memasuki mata.

Bagi pelajar yang menggunakan kacamata (prescription glass), mereka hendaklah dibekalkan dengan pelindung mata yang sesuai iaitu boleh dipakai bersama dengan kacamata (over the spectacle). Menurut Cole dalam Te Zhee Kiong (2003), pelindung mata perlu di pakai untuk kerja yang membahayakan mata. Ia di buat daripada plastik lutsinar (transparent plastic) yang memberi perlindungan di sekitar mata. Justeru itu, pelindung mata yang di buat

mestilah kuat dengan hentaman, keras dan tidak berjalur. Warna pada pelindung mata mestilah terang dan boleh dilaraskan mengikut kesesuaian muka dan selesa untuk di pakai. Ini kerana mata merupakan organ utama yang perlu dilindungi apabila melakukan kerja-kerja pemotongan bahan keluli dan kimpalan.

Pengadang muka hendaklah sentiasa dipakai apabila menggunakan jentera kayu, terutama apabila menggunakan mesin pelarik, gergaji piring dan lain-lain jentera. Pengadang muka ini dapat melindungi muka daripada terkena serpihan kayu dan habuk.

Pelindung muka yang sesuai hendaklah digunakan bilamana pelajar terdedah kepada bahaya objek melayang, percikan besi panas, tumpahan atau percikan asid dan sebagainya. Pelindung muka (face shield) hendaklah digunakan bersama semasa menjalankan aktiviti kerja sekiranya terdapat potensi bahaya percikan api semasa melakukan kerja-kerja kimpalan yang boleh mendatangkan bahaya kepada muka.

Penutup telinga ini digunakan semasa bekerja di jentera kayu yang mengeluarkan bunyi yang terlalu bising iaitu untuk melindungi telinga dari lemah pendengaran. Di dalam industri pembuatan pula para pelajar mudah terdedah kepada kebisingan dan mengakibatkan kehilangan pendengaran untuk jangka masa yang panjang.

Justeru itu, penutup telinga perlu dipakai ketika melakukan kerja-kerja yang mengeluarkan bunyi yang bising. Menurut Knight and Forster (1976), kehilangan pendengaran ialah sesuatu kerosakan pendengaran bagi satu atau dua telinga, sebahagian atau sepenuhnya di sebabkan atau semasa akibat dari sesuatu pekerjaan termasuk mengalami acaoustik trauma. Undang-undang berkehendakkan pekerja di dedahkan berterusan dengan kadar 90dBA dalam masa 8 jam sehari. Ini adalah bertujuan untuk melindungi kerosakan pada telinga oleh yang demikian penutup telinga perlulah di pakai ketika membuat kerja-kerja yang mengeluarkan bunyi bising melebihi dari yang sepatutnya. Pelindung telinga digunakan untuk melindungi gegendang telinga daripada rosak akibat dedahan kebisingan untuk jangka masa yang panjang.

2.2 Pertolongan Cemas

Kemalangan mungkin menimpa sesiapa sahaja pada bila bila masa walaupun segala langkah pengawasan dan pencegahan telah diambil. Adalah penting bagi pelajar melengkapkan diri sendiri dengan ilmu pengetahuan dalam pertolongan cemas untuk menghadapi dan mengatasi keadaan yang tidak disangka itu. Menurut manual rasmi St. John Ambulans (1976), pertolongan cemas di takrifkan sebagai bantuan permulaan atau rawatan pertama yang diberikan kepada seseorang yang tercedera dalam sebarang kemalangan dan matlamatnya adalah untuk menyelamatkan nyawa dan mengelakkan keadaan bertambah serius. Ia hanya boleh dilakukan oleh orang yang berpengetahuan dan berkemahiran. Menurut Zakaria Nanyan dalam Anuar (2006) kesihatan dan juga kebajikan pekerja akan terjamin termasuk menyediakan kemudahan pertolongan cemas dan ahli pertolongan cemas yang bertauliah.

Menurut Heinrich, Peterson dan Ross. (1980) menegaskan bahawa maklumat mengenai pengajaran kesihatan dan prosedur pertolongan cemas seharusnya dibekalkan kepada pekerja atau pelajar yang terdedah dengan risiko kemalangan yang mana kecederaan mungkin berlaku semasa mereka bekerja. Manakala, menurut Basharuddin dalam Anuar (2006) menyatakan bahawa tenaga pengajar adalah bertanggungjawab sepenuhnya memastikan mereka mempunyai pengetahuan pertolongan cemas untuk membolehkan mereka memberikan rawatan pertolongan cemas dengan sempurna ketika berlakunya kemalangan. Sehubungan dengan itu, sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya berlaku sebarang kecelakaan yang tidak diingini di bengkel, sama ada serius ataupun tidak, bantuan awal boleh diberikan kepada mangsa sebelum di bawa ke hospital. Ini bertujuan untuk mengurangkan sedikit

penderitaan dan kesakitan mangsa yang mengalami kecederaan akibat kemalangan yang menyimpannya. Bidang pertolongan cemas memiliki batasannya yang tersendiri kerana bukan semua penyelamat merupakan ahli paramedik ataupun doktor, namun begitu ia merupakan satu elemen yang penting dan amat diperlukan di dalam sistem perubatan yang menyeluruh.

Menurut Md Razali dalam Anuar (2006) menyatakan bahawa seseorang pelajar adalah bertanggungjawab terhadap pengetahuan dan kemahiran pertolongan cemas. Menurut Hamilton dalam Thee Zhee Kiong (2004) pula menyatakan pendedahan satu cara yang terbaik dalam usaha untuk meningkatkan keselamatan di dalam bengkel. Sebagai seorang bakal pekerja mahir, penguasaan yang cukup tentang pertolongan cemas adalah satu tindakan yang bijak untuk mengendalikan mangsa yang mengalami kecederaan sewaktu bekerja nanti.

Oleh sebab itu, pelajar seharusnya mempersiapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran serta mempunyai sikap yang baik tentang pertolongan cemas supaya mereka mampu untuk memberikan bantuan kecemasan dalam apa jua jenis kemalangan yang berlaku. Selain tenaga pengajar, pelajar turut bertanggungjawab untuk memainkan peranan sebagai pemberi rawatan dengan mengetahui cara-cara dan langkah-langkah untuk merawat mangsa yang sedang mengalami kecederaan.

2.3 Langkah-Langkah Mencegah Kebakaran

Keadaan pada masa sekarang berubah. Perkembangan di negara-negara membangun seperti di Malaysia amat pesat sekali dengan teknologi-teknologi dan bahan-bahan baru itu membawa risiko tertentu jika langkah-langkah yang sesuai tidak yang sesuai tidak diambil dengan sepenuhnya. Pencegahan kemalangan akan tercapai sekiranya beberapa langkah keselamatan dapat diwujudkan serta dipraktikkan di tempat kerja. Langkah yang paling baik untuk mengatasi masalah kebakaran ialah dengan mencegah kejadian tersebut sebelum ianya berlaku. Tetapi sekiranya kebakaran berlaku, maka haruslah pelajar tahu apa yang patut dilakukan supaya kebakaran tersebut dapat dikawal dengan seberapa segera. Antara langkah-langkah untuk pencegahan kebakaran ialah:

1. Mengetahui cara-cara pengangkutan dan penyimpanan bahan-bahan yang mudah terbakar seperti minyak petrol, gas cecair, kertas dan sebagainya.
2. Mengetahui rekabentuk dan kegunaan alat-alat dan mesin-mesin yang mengeluarkan haba atau menggunakan bahan api dalam operasinya.
3. Pendawaian dalam bangunan dan alat-alat atau mesin elektrik hendaklah diperiksa dari semasa ke semasa untuk mengesan kerosakannya terutama bagi bangunan yang digunakan untuk menyimpan barang-barang yang mudah terbakar.
4. Mengadakan alat-alat pemadam api yang efektif dan ditempatkan di tempat yang senang didapati.
5. Menjaga kebersihan dikawasan sekitar. Sampah-sampah yang mudah terbakar hendaklah dikawal dengan cara yang tertentu.
6. Mengamalkan cara kerja yang selamat terutama sekali dalam kerja yang menggunakan alat-alat yang menghasilkan haba seperti mengimpal ataupun menggunakan bahan yang mudah terbakar seperti pengecatan sembur.

2.4 Alat Pemadam Api (Fire Extinguishers)

Pengetahuan secara teori dan amali di dalam penggunaan tiap-tiap jenis alat pemadam api adalah penting. Latihan di dalam cara-cara menggunakan alat-alat pemadam api boleh

memberi pengalaman dan keyakinan semasa seseorang pelajar itu cuba mengawal kebakaran. Jika teknik-teknik penggunaan alat itu boleh dikuasai oleh pelajar dan dengan kemahiran yang diketahui, api boleh dikawal di dalam masa yang singkat tanpa menggunakan alat-alat pemadam api yang berlebihan. Penggunaan asas pengenalan alat pemadam api adalah satu alat yang boleh mengawal dan memadam kebakaran di peringkat awal. Alat ini dikendalikan oleh manusia (secara manual) dan boleh bertindak mengawal dan memadam kebakaran secara berkesan mengikut kelas-kelas api yang diperuntukkan pada satu-satu jenis alat pemadam api tersebut. Sesetengah alat pemadam api itu adalah sesuai untuk memadamkan api kelas A, tetapi tidak sesuai untuk kelas B dan C. Oleh itu adalah berfaedah bagi setiap pelajar itu mengenali, tahu menggunakan dan tahu di tempat mana ia sesuai digunakan.

Menurut perdana menteri, alat-alat penting di tempat kerja seperti alat pemadam api harus sentiasa dipastikan berada dalam keadaan baik agar ia boleh digunakan pada bila-bila masa diperlukan (Utusan Malaysia, 6 Februari 2007). Berhubungan dengan itu, setiap pelajar yang berada di bengkel perlu tahu dan mempunyai rasa tanggungjawab untuk mengetahui di mana kedudukan alat pemadam api yang terdapat di bengkel dan mempelajari cara untuk menggunakan dengan betul.

3.0 Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kajian kes. Menurut Nurimi Zainol Abidin (2001), kajian kes merupakan satu pemeriksaan yang spesifik terhadap sesuatu situasi seperti sebuah program, satu pertandingan, sebuah proses, sebuah institusi atau kumpulan sosial. Kajian ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat mengenai persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan mereka berkaitan Duty 1: Adhere To Safety Rules And Regulation dikalangan pelajar tahap 3 di Institut Kemahiran Belia Negara, Pagoh

3.1 Tempat Kajian

Kajian dijalankan di Institut Kemahiran Belia Negara, Pagoh.

3.2 Populasi Dan Responden Kajian

Anuar (2006) menyatakan bahawa populasi akan menentukan bidang masalah yang perlu dikaji bagi mendapatkan maklumat dan data. Seterusnya maklumat tersebut dikumpul dan analisis. Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan keseluruhan populasi sebagai responden kajian. Responden dari IKBN, Pagoh dipilih kerana populasinya adalah kecil iaitu seramai 34 orang bagi pelajar tahap 3 yang mengikuti kursus Pembuat Acuan dan Alatan Tekan. Mohd Najib (1999) menyatakan bahawa jika jumlah populasinya adalah kecil penyelidik boleh menggunakan keseluruhan ahli sebagai sampel dan penyelidikan tersebut adalah sebuah kajian kes. Justeru itu, keputusan penyelesaian masalah yang dibuat adalah lebih tepat. Oleh itu kajian ini adalah seramai 34 orang responden bagi pelajar-pelajar tahap 3 di IKBN, Pagoh.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Penggunaan soal selidik membolehkan pengkaji memperolehi maklumat yang banyak dengan perbelanjaan

yang sedikit (Abd. Majid, 2000). Di samping itu, ia merupakan instrumen yang ringkas dan mudah ditadbir. Menurut Mohd Najib (1999) pula, soal selidik selalu digunakan untuk mengukur persepsi, mengetahui sikap, motivasi, emosi, perasaan dan pandangan seseorang. Ia telah digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta kepercayaan dan sebaliknya. Selain daripada itu juga, kaedah ini juga boleh menjimatkan masa, tenaga dan kos dalam menjalankan kajian sebenar.

Oleh yang demikian, adalah bersesuaian sekiranya pengkaji menggunakan borang soal selidik untuk mengukur persepsi pelajar yang mana ianya telah di sokong oleh Mohd Najib. Menurut Mohd Najib (1999) lagi, instrumen kajian akan menentukan jenis data yang diperolehi dan ini akan mempengaruhi jenis analisis pengkaji. Pengkaji telah menggunakan soal selidik untuk memperolehi data kajian ini. Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

4.0 ANALISIS DATA

4.1 Analisis Data Bahagian Jantina

Jadual 1 : Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina

Jantina	f	%
Lelaki	24	70
Perempuan	10	29.4

Berdasarkan Jadual 1 maklumat latar belakang responden. Semua sampel yang terlibat adalah terdiri daripada pelajar Pembuat Alatan dan Acuan (100%). Majoriti sampel adalah pelajar lelaki (70%) yang mengikuti kursus ini di IKBN, Pagoh. Dari keputusan latihan industri jelas menunjukkan kesemua pelajar telah menjalani latihan industri di bahagian sektor perindustrian dan peratus yang paling rendah adalah di kilang kelapa sawit dan First Engineering Plastik iaitu sebanyak 2.9% ini mungkin kerana kesukaran pelajar untuk di tempatkan di kawasan tersebut.

4.2 “Apakah Persepsi Pelajar Terhadap Penguasaan Pengetahuan Dan Ketrampilan Terhadap Task 01.01 Dari Aspek Memakai Pakaian Keselamatan Di Bengkel ?”

Aspek memakai pakaian keselamatan di bengkel sekiranya tidak diendahkan akan mengakibatkan kemalangan. Analisis data berkaitan persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan terhadap task 01.01 dari aspek memakai pakaian keselamatan di bengkel dapat ditunjukkan seperti pada jadual 2.

Jadual 2 : Taburan Kekerapan dan Peratusan dari Aspek Memakai Pakaian Keselamatan di Bengkel

Item	Tidak Faham	Kurang Faham	Faham	Tahap
	f %	f %	f %	
1.Setakat manakah anda mengetahui penjagaan kesihatan diri dari segi fizikal semasa berada di bengkel.	-	-	34 100	Terampil cemerlang
2.Setakat manakah anda mengetahui penjagaan kesihatan diri dari segi rohani semasa berada di bengkel.	-	5 14.7	33 97.1	Terampil
3.Setakat manakah anda mengetahui pakaian yang betul dan selamat dipakai semasa menjalani amali di bengkel.	-	1 2.9	33 97.1	Terampil cemerlang
4.Setakat manakah anda dapat memahami jenis-jenis pelindung muka yang perlu di pakai semasa menjalani amali di bengke	-	2 5.9	33 97.1	Terampil cemerlang
5.Setakat manakah anda dapat memahami bahawa memakai sebarang perhiasan diri adalah perlu dielakkan semasa menjalani amali di bengkel	-	1 2.9	33 97.1	Terampil cemerlang
6.Setakat manakah pemahaman anda terhadap kepentingan memakai goggles semasa menjalani amali di bengkel	-	-	34 100	Terampil cemerlang
7.Setakat manakah anda dapat memahami bahawa berambut panjang adalah merbahaya kepada diri sendiri ketika menjalani amali di bengkel	-	3 8.8	31 91.2	Terampil cemerlang
8.Setakat mana anda memahami perkara-perkara yang perlu dititik beratkan semasa penyenggaraan pakaian keselamatan	-	5 14.7	29 85.3	Terampil
9.Setakat manakah pemahaman anda mengenai jenis peralatan perlindungan diri semasa menjalani amali di bengkel	-	2 5.9	32 94.1	Terampil cemerlang
10.Setakat manakah anda memahami kegunaan sarung tangan kulit semasa menjalankan kerja-kerja amali di bengkel	-	7 20.6	27 79.4	Terampil
11.Setakat manakah anda	-	1	33	Terampil

memahami tahap keselamatan		2.9	97.1	cemerlang
memakai kasut keselamatan semasa				
menjalani amali di bengkel				
12.Setakat mana anda faham	-	4	30	Terampil
mengenai kepentingan memakai		11.8	88.2	
sarung tangan getah				
13.Setakat manakah anda	-	5	29	Terampil
memahami akibat memakai pakaian		14.7	85.3	
yang terlalu labuh semasa berada di				
bengkel.				
Purata peratusan	-	8.1	91.9	Terampil
		8.1	91.9	cemerlang

Berdasarkan jadual 2, hasil dapatan terhadap item soal selidik 1 mengenai penjagaan kesihatan diri dari segi fizikal semasa berada di bengkel adalah berada pada tahap terampil cemerlang (100%) yang mana kesemua responden mengatakan faham dan amat faham.

Secara keseluruhannya hasil dapatan bagi persoalan kajian satu menunjukkan item soal selidik 1 mengenai penjagaan kesihatan diri dari segi fizikal semasa berada di bengkel adalah merupakan terampil cemerlang (100%). Manakala, penguasaan bagi item soal selidik 10 yang mempunyai peratus yang paling rendah (79.4%) berada pada tahap terampil dari segi setakat mana pelajar dapat memahami kegunaan sarung tangan kulit semasa menjalankan kerja-kerja amali di bengkel.

4.3 "Apakah Persepsi Pelajar Terhadap Penguasaan Pengetahuan Dan Ketrampilan Terhadap Task 01.03 Dari Aspek Melakukan Rawatan Pertolongan Cemas Di Bengkel?"

Para pelajar telah didedahkan dengan ilmu pengetahuan berkaitan rawatan pertolongan cemas oleh tenaga pengajar IKBN supaya pengetahuan itu dapat dipraktikkan sekiranya berlaku sebarang kecemasan di bengkel atau di tempat kerja. Jadual 3 menunjukkan analisis data yang diperolehi mengenai persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan terhadap task 01.03 dari aspek melakukan rawatan pertolongan cemas di bengkel.

Jadual 3 : Taburan Kekerapan dan Peratusan dari Aspek Melakukan Rawatan Pertolongan Cemas Di Bengkel .

Item	Tidak Faham	Kurang Faham	Faham	Tahap
	f %	f %	f %	
14.Adakah anda memahami dengan jelas definisi pertolongan cemas.		3 8.8	31 91.2	Terampil cemerlang
15.Adakah anda memahami dengan jelas objektif pertolongan cemas		6 17.6	28 82.4	Terampil
16.Adakah anda memahami dengan jelas prinsip-prinsip pertolongan cemas	1 2.9	10 47.1	17 50	Terampil cemerlang
17.Adakah anda memahami dengan	1	10	22	Terampil

jelas cara rawatan mangsa yang mengalami renjatan elektrik	2.9	29.4	64.7	
18.Adakah anda memahami dengan jelas mengenai tugas ahli pertolongan cemas.		5	29	Terampil
19.Adakah anda faham dengan jelas ciri-ciri seorang ahli pertolongan cemas yang mahir.	1	9	24	Terampil
20.Adakah anda faham cara untuk mengawal atau menahan darah keluar dengan banyak sekiranya berlaku kemalangan di bengkel.	5.8	26.5	70.5	
21.Adakah anda memahami dengan jelas tentang tujuan pernafasan dilakukan kepada pesakit	2	9	23	Terampil
22.Adakah anda memahami dengan jelas tanggungjawab ahli pertolongan cemas.	-	26.5	67.6	
23.Adakah anda mengetahui dengan jelas cara rawatan bagi mangsa yang terkejut	7	29	79.4	Terampil
24.Adakah anda mengetahui dengan jelas kecederaan luka terbuka	20.6	29	79.4	
25.Adakah anda mengetahui dengan jelas jenis kecederaan patah tulang	3	19	12	Belum terampil
26.Adakah anda mengetahui dengan jelas tanda-tanda mangsa yang mengalami kecederaan sukan.	8.8	55.5	35.3	
	6	22	6	Belum terampil
	17.7	64.7	17.6	
	4	13	17	Belum terampil
	11.7	38.2	50	
	4	17	13	Belum terampil
	11.7	50.0	38.3	
	4	21	9	Belum terampil
	11.7	61.8	26.4	
Purata peratusan	5.9	35.5	58.8	Belum terampil
	5.9	20	58.4	

Daripada jadual 3, tahap pencapaian terampil cemerlang (91.2%) berada pada item soal selidik 14. Sebanyak 8.8% responden yang mengatakan kurang faham, 76.5% mengatakan faham dan 14.7% mengatakan amat faham mengenai definisi pertolongan cemas. Tahap pencapaian terampil bagi item soal selidik 21 yang merujuk kepada kefahaman tentang tujuan pernafasan dilakukan kepada pesakit adalah sebanyak 79.4%. Merujuk kepada nilai peratusan ini, responden tahu tujuan pernafasan dilakukan adalah untuk membekalkan darah oksigen ke dalam darah dan mengeluarkan karbon dioksida dari darah keluar dari tubuh badan. Manakala tahap pencapaian belum terampil (50 %) pula dapat dilihat melalui item soal selidik 24 yang merujuk kepada cara rawatan bagi mangsa yang mengalami luka terbuka. Sebanyak 2.9% mengatakan amat tidak faham, 8.8% mengatakan tidak faham, 38.2% mengatakan kurang faham dan selebihnya mengatakan faham (50%).

Secara keseluruhan tahap pencapaian terampil cemerlang (91.2%) berada pada item soal selidik 14 yang mana hampir keseluruhan responden faham mengenai definisi pertolongan cemas. Ini menunjukkan bahawa responden telah diberi pendedahan awal yang cukup mantap bagi menguasai pengetahuan mengenai definisi pertolongan cemas ini. Manakala tahap pencapaian yang belum terampil (50 %) pula dapat dilihat melalui item soal selidik 24 yang merujuk kepada cara rawatan bagi mangsa yang mengalami luka terbuka. Ini

jelas menunjukkan bahawa sekiranya berlaku kecederaan yang mengakibatkan luka terbuka seperti terhiris, terkoyak dan tertembus benda tajam semasa berada di bengkel, pelajar masih belum berkemahiran untuk merawat mangsa walaupun mereka telah di dedahkan dengan ilmu dan kemahiran pertolongan cemas.

4.4 “Apakah Persepsi Pelajar Terhadap Penguasaan Pengetahuan Dan Ketrampilan Terhadap Task 01.05 Dari Aspek Peraturan Dan Jenis Alat Pemadam Api ?”

Kesedaran dan pengetahuan mengenai kebakaran di bengkel juga merupakan salah satu faktor penting untuk mencegah kemalangan. Jadual 4 mengenai analisis terhadap aspek peraturan dan jenis alat pemadam api di kaji supaya pemadaman api dapat dilakukan dengan betul untuk mengelakkan sebarang kerosakan pada alatan dan aset.

Jadual 4 : Taburan Kekekapan dan Peratusan Dari Aspek Peraturan dan Jenis Alat Pemadam Api .

Item	Tidak Faham	Kurang Faham	Faham	Tahap
	f %	f %	f %	
27.Setakat manakah anda dapat memahami bahaya kebakaran sekiranya berlaku di bengkel anda		4 11.8	30 88.2	Terampil
28.Setakat manakah anda memahami punca-punca kebakaran yang berlaku di bengkel		4 11.8	30 88.2	Terampil
29.Setakat manakah anda dapat memahami bahaya kebakaran sekiranya berlaku di tempat kerja		4 11.8	30 88.2	Terampil
30.Setakat mana anda memahami dengan jelas jenis kebakaran yang boleh dipadamkan dengan alat pemadam api.	1 2.9	5 14.7	28 82.4	Terampil
31.Setakat manakah anda dapat memahami dengan jelas cara penggunaan alat pemadam api tersebut	1 2.9	7 20.6	26 76.5	Terampil
32.Adakah anda faham dengan jelas langkah-langkah mencegah kebakaran	1 2.9	3 8.8	30 88.2	Terampil
33.Adakah anda faham dengan jelas punca kebakaran bagi kelas A.	2 5.9	15 44.1	17 50	Belum terampil
34.Adakah anda faham dengan jelas punca kebakaran bagi kelas B.	3 8.8	16 47.1	15 44.1	Belum terampil
35.Adakah anda faham dengan jelas punca kebakaran bagi kelas C.	3 8.8	18 52.9	13 38.2	Belum terampil
36.Adakah anda faham dengan jelas perkakas pemadam api jenis alat pemadam api yang diisi dengan air.	1 2.9	20 58.8	13 38.3	Belum terampil

37. Adakah anda faham dengan jelas perkakas pemadam api jenis tekanan gas	3 8.8	19 55.9	12 35.3	Belum terampil
38. Adakah anda faham dengan jelas perkakas pemadam api jenis tekanan angin yang disimpan.	3 8.8	22 64.7	8 23.5	Belum terampil
39. Adakah anda faham dengan jelas perkakas pemadam api jenis alat pemadam api yang diisi dengan karbon dioksida	1 2.9	18 52.9	15 44.1	Belum terampil
Purata peratusan	4.3 4.3	35.2 35.2	60.4 60.4	Terampil

Dapatan kajian yang berkaitan persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan terhadap task 01.05 dari aspek peraturan dan jenis alat pemadam api didapati responden telah memberikan maklum balas yang positif. Responden dapat memahami bahaya kebakaran sekiranya berlaku di bengkel dan di tempat kerja mereka, ini dibuktikan dari dapatan pada item soal selidik 27 (88.2%) dan item soal selidik 29 (88.2%) yang berada pada tahap pencapaian terampil. Manakala bagi item soal selidik 28 yang berkaitan dengan kefahaman pelajar terhadap punca-punca yang menyebabkan kebakaran berlaku juga berada pada tahap terampil (88.2%). Ketiga-tiga item soal selidik 27, 28 dan 29 ini menunjukkan 11.8% yang mengatakan kurang faham .

Selain itu juga dapatan dari item soal selidik 38 iaitu berkaitan kefahaman responden terhadap perkakas pemadam api jenis tekanan angin yang disimpan berada pada tahap belum terampil. Hanya 23.5% sahaja responden yang mengatakan faham, 8.8% yang mengatakan tidak faham dan 64.7% mengatakan kurang faham.

Secara keseluruhannya, item soal selidik 27 , item soal selidik 28 dan item soal selidik 29 yang berada pada tahap pencapaian terampil (88.2%). Yang mana ketiga-tiga item soal selidik ini menunjukkan nilai peratusan yang paling tinggi. Selain itu pula dapatan dari item soal selidik 38 iaitu berkaitan kefahaman responden terhadap perkakas pemadam api jenis tekanan angin yang disimpan berada pada tahap belum terampil dan berada pada nilai peratusan yang paling rendah (23.5%)

5.0 PERBINCANGAN

5.1 Mengenalpasti Persepsi Pelajar Terhadap Penguasaan Pengetahuan dan Ketrampilan dari Aspek Memakai Pakaian Keselamatan di Bengkel.

Memandangkan nilai purata peratusan adalah tinggi, pelajar di IKBN ini mempunyai tahap kesedaran keselamatan yang tinggi serta mempunyai penguasaan pengetahuan yang luas dalam mengamalkan peraturan apabila berada di bengkel.

Di dalam objektif ini, nilai peratusan yang paling tinggi iaitu mengenai persepsi pelajar terhadap penjagaan kesihatan diri dari segi fizikal semasa berada di bengkel berada pada tahap terampil cemerlang. Item ini disokong oleh Mondy dan Moe dalam Junaidy (2006) yang menyatakan kesihatan merujuk kepada usaha dan membebaskan para pekerja daripada sebarang jenis penyakit yang mengancam fizikal dan emosi mereka. Oleh yang demikian, sekiranya pelajar berada dalam keadaan kurang sihat dan uzur dari segi mental dan fizikal sudah pasti pelajar tersebut tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya dalam setiap apa kerja yang dilakukan. Kesihatan rohani atau emosi di sini merujuk kepada kawalan dari segi,

fikiran, tidak berperasaan marah, tidak berasa sedih atau berangan-angan semasa melakukan kerja-kerja amali.

Manakala bagi persepsi pelajar terhadap kepentingan kegunaan sarung tangan kulit semasa menjalankan kerja-kerja amali di bengkel berada pada tahap terampil. Item soalan ini juga telah di sokong oleh Anuar (2006), yang menyatakan segelintir daripada pengguna bengkel tidak selesa memakai jenis peralatan perlindungan diri seperti goggle dan sarung tangan kerana mereka merasakan ia mengganggu keselesaan ketika membuat kerja-kerja amali. Kebanyakan pelajar tidak mementingkan memakai sarung tangan kerana pemakaian sarung tangan tidak dibenarkan apabila melakukan kerja dengan mesin yang sedang bergerak kerana ia boleh menyebabkan kemalangan. Penggunaan Sarung tangan kulit adalah untuk melindungi tangan dari sudut yang tajam atau menggerutu, berkarat dan habuk-habuk besi terutamanya semasa mencanai mata alat serta semasa kerja-kerja pembersihan mesin dilakukan.

Oleh yang demikian, persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan mereka dari aspek memakai pakaian keselamatan dikalangan pelajar tahap tiga semasa melakukan kerja-kerja di bengkel menunjukkan sikap dan amalan yang positif terhadap kepentingan mengamalkan keselamatan dan kesihatan. Ketrampilan yang ditunjukkan oleh pelajar ini semasa melakukan kerja-kerja amali akan memberikan kebaikan kepada diri, masyarakat dan negara sekaligus dapat mengurangkan bilangan kemalangan industri. Bertepatan dengan saranan Zabidi Muhamad Adib pengarah negeri JKPP Johor yang menasaskan penurunan kadar kemalangan industri di negara kita kepada 3.5 kes bagi setiap 1000 pekerja menjelang 2010. Justeru itu, pengembelengan usaha terhadap keselamatan dan kesihatan semasa berada ditempat kerja perlu dipertingkatkan lagi bagi pihak majikan agar tahap pengetahuan dan ketrampilan pelajar dapat berterusan.

5.2 Mengenalpasti Persepsi Pelajar Terhadap Penguasaan Pengetahuan dan Ketrampilan dari Aspek Melakukan Rawatan Pertolongan Cemas di Bengkel.

Dapatan kajian mendapati, persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan dari aspek melakukan rawatan pertolongan cemas di bengkel secara keseluruhannya adalah berada pada tahap belum terampil. Ini menunjukkan pelajar hanya mengetahui atau hanya dapat memberi penjelasan berkaitan dengan definisi pertolongan cemas, objektif pertolongan cemas dan menyatakan ciri-ciri ahli pertolongan cemas. Sebaliknya pelajar tidak dapat melaksanakan tugas-tugas seperti ahli pertolongan cemas itu sendiri.

Ini dapat dibuktikan daripada hasil kajian terhadap kefahaman pelajar mengenai definisi pertolongan cemas yang berada pada tahap pencapaian terampil cemerlang. Ini menunjukkan bahawa responden telah diberi pendedahan awal yang cukup mantap bagi menguasai pengetahuan mengenai definisi pertolongan cemas ini. Menurut Hamilton dalam Thee Zhee Kiong (2004) pendedahan satu cara yang terbaik dalam usaha untuk meningkatkan keselamatan di dalam bengkel juga perlu dititik beratkan. Sebagai seorang bakal pekerja mahir, penguasaan yang banyak tentang pengetahuan pertolongan cemas adalah satu tindakan yang baik sebagai permulaan untuk menarik minat pelajar bersama-sama membantu untuk merawat mangsa yang mengalami kecederaan sewaktu bekerja nanti.

Manakala tahap pencapaian belum terampil pula dapat dilihat melalui cara rawatan bagi mangsa yang mengalami luka terbuka. Ini jelas menunjukkan bahawa sekiranya berlaku kecederaan yang mengakibatkan luka terbuka seperti terhiris, terkoyak dan tertembus benda tajam semasa berada di bengkel, pelajar masih belum bersedia dan tidak tahu untuk merawat mangsa walaupun mereka telah di dedahkan dengan ilmu dan kemahiran pertolongan cemas. Menurut manual rasmi St. John Ambulans (1976) pertolongan cemas di takrifkan sebagai

bantuan permulaan atau rawatan pertama yang diberikan kepada seseorang yang tercedera dalam sebarang kemalangan.

Sehubungan dengan itu, menurut Basharuddin dalam Anuar (2006) menyatakan bahawa tenaga pengajar adalah bertanggungjawab sepenuhnya memastikan mereka mempunyai pengetahuan pertolongan cemas untuk membolehkan mereka memberikan rawatan pertolongan cemas dengan sempurna ketika berlakunya kemalangan. Menjadi tanggungjawab bersama menanamkan sikap positif dan melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran dalam pertolongan cemas kerana sekiranya berlaku kecederaan ataupun kemalangan, sama ada serius ataupun tidak pelajar dapat memberi rawatan awal yang sesuai dan sewajarnya mengikut peraturan dan keutamaan.

Di samping mendapat pendidikan dalam melakukan rawatan pertolongan cemas di bengkel, masih terdapat pelajar yang lalai tentang kesihatan dan keselamatan diri apatah lagi kepada diri orang lain semasa mengendalikan mesin atau semasa sedang bekerja. Memandangkan golongan pelajar yang mengambil jurusan kemahiran banyak menjalankan kerja-kerja amali di dalam bengkel, pastinya mereka akan terdedah kepada pelbagai risiko yang tidak diingini seperti boleh mengakibatkan kecederaan, kehilangan nyawa dan sebagainya.

5.3 Mengenalpasti Persepsi Pelajar Terhadap Penguasaan Pengetahuan dan Ketrampilan dari Aspek Peraturan dan Jenis Alat Pemadam Api

Secara keseluruhan, hasil dapatan secara purata peratusan bagi objektif ke tiga iaitu persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan terhadap task 01.05 dari aspek peraturan dan jenis alat pemadam api adalah berada pada tahap terampil. Terampil di sini memberi maksud pelajar dapat melaksanakan task dengan sempurna dari segi kualiti, jangkamasa, sikap dan keselamatan serta penggunaan kemudahan bahan dan peralatan.

Merujuk kepada kefahaman pelajar terhadap bahaya kebakaran sekiranya berlaku di bengkel dan di tempat kerja serta mengetahui punca-punca yang menyebabkan kebakaran berada pada tahap pencapaian terampil. Di sini ia dapat menggambarkan bahawa pelajar telah sedar mengenai kepentingan mengurangkan risiko kebakaran apabila berada di bengkel dan di tempat kerja. Ini dapat disokong di dalam surat pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2000: Mencegah Kebakaran Di Sekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang mengambil langkah-langkah proaktif yang sewajarnya bagi menangani masalah kes kebakaran daripada berlaku di sekolah.

Ini terbukti pengetua disetiap sekolah telah mengambil berat tentang masalah kes kebakaran dan telah mempersiapkan diri pelajar berkaitan dengan bahaya kebakaran. Sehubungan dengan itu, menurut Badaruddin (1981) pelajar, pekerja dan masyarakat perlu mendapat penerangan atau pengenalan mengenai bahaya-bahaya kebakaran supaya mereka lebih berhati-hati semasa bertugas dan menyedari sesuatu yang boleh mendatangkan bahaya kebakaran atau ancaman kepada nyawa. Ini menunjukkan ilmu pengetahuan berkaitan bahawa kebakaran yang diterima sewaktu berada di sekolah telah diperkembangkan lagi apabila berada di IKBN.

Selain itu pula, dapatan peratusan yang paling rendah dari segi mengenai tahap kefahaman pelajar terhadap kegunaan perkakas pemadam api jenis tekanan angin yang disimpan berada pada tahap belum terampil. Ini menunjukkan bahawa pelajar tidak diberi pendedahan berkaitan dengan melatih dan memperkenalkan perkakas alat pemadam kebakaran kerana menurut Badaruddin (1981) lagi, pemasangan alat pemadam api itu semata-mata untuk memenuhi kehendak-kehendak undang-undang sahaja. Alat ini di pasang

seolah-olah sebagai satu alat pertunjukkan tetapi tidak mengetahui cara-cara menggunakannya. Di sini jelas menunjukkan

Tanggungjawab memadamkan kebakaran ini bukan sahaja terletak pada pihak lain sebaliknya perlu diberi perhatian oleh para pelajar kerana mereka adalah penggerak yang akan mengendalikan mesin-mesin dan terdedah dengan suasana kerja yang kurang selamat. Berikutan dengan berita mengenai letupan di bengkel kimpalan IKBN Pagoh (Harian Metro, 28 Februari 2008) pelajar seharusnya sudah bersedia mempersiapkan diri untuk bertindak dengan mengambil langkah-langkah memadam kebakaran dengan menggunakan peralatan pemadam api. Jadi, tidak perlu membuang masa dengan menunggu ketibaan pihak bomba untuk memadam kebakaran. Seharusnya perkara seumpama ini tidak patut berlaku kerana pelajar ini merupakan aset negara akan datang dan pihak IKBN perlu berwaspada dan memastikan pelajar sentiasa di beri latihan keselamatan bagi menjamin keselamatan dan kesihatan pelajar untuk menentukan kesinambungan generasi akan datang.

RUJUKAN

- Anuar (2006). Kajian Tentang Pertolongan Cemas Yang Melibatkan Pengetahuan, Kemahiran Dan Juga Sikap Pelajar 4 SP (A,E,J,H). Projek Sarjana Muda tidak diterbitkan, UTM.
- Badaruddin Mat Isa (1981). Teknik Mencegah Dan Memadam Kebakaran. Kuala Lumpur: Percetakan Watan
- Ee Ah Meng. (1990). Pedagogi Satu Pendekatan Bersepadu. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Harian Metro, 28 Februari 2008. Bengkel IKBN Meletup .
- Heinrich, H.W. Peterson D. and Ross. (1980). Industry Accident Prevention A Safety Management Approach. New York: McGraw Publisher
- Junaidy Abu Bakar (2006). Suara-Suara Mangsa. Penerbit UKM. Selangor: Malindo Printers Sdn. Bhd
- Knight and Forster (1976). Fire Extinguishing Equipment. London: Manual Of Fireman ship
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). Penyelidikan Pendidikan. Sekudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Nurimi Zainol Abidin (2001). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Amalan Pemakaian Pakaian Keselamatan Bengkel Di Kalangan Para Pelajar UTM. Projek Sarjana Muda tidak diterbitkan, UTM.
- St. John Ambulan Malaysia (1976). Pertolongan Cemas Utama. Sabah: Percetakan Chin Chi Kota Kinabalu.
- Te Zhee Kiong (2003). Persepsi Tentang Tahap Penguasaan Aspek Keselamatan Bengkel Dari Segi Teori Dan Amali Di Kalangan Pelajar-Pelajar Tahun 4 Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam/Elektrik/Jentera/Kemahiran Hidup) Perdana. Tesis Sarjana Muda tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Utusan Malaysia, 6 Februari 2007. Utamakan Keselamatan